

Praktis Pengukuhan 2

Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang diberikan berikut.

- | | | | | |
|-----------------|-------------------|----------------|---------------|---------------|
| • pecah amanah | • kuning langsung | • kitar semula | • duduk diam | • makan angin |
| • kertas kerja | • panas terik | • kerjasama | • olahraga | • pahit maung |
| • campur tangan | • mata pelajaran | • manis mulut | • makan minum | • kaki bangku |

- 1 Zul hanya memerhatikan rakan-rakannya bermain bola sepak kerana dia seorang _____.
- 2 Program-program kesedaran _____ perlu disuburkan dalam masyarakat.
- 3 _____ Aisyah tidak terurus lagi sejak dia kehilangan tempat bergantung apabila ibu bapanya meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya.
- 4 Shahir dihukum penjara selama dua tahun kerana _____ semasa meluluskan projek pertanian.
- 5 Dahlia tidak akan _____ dalam urusan peribadi rakannya.
- 6 Elly mengambil keputusan untuk _____ di Jepun pada bulan November nanti.
- 7 Cuaca yang _____ boleh menyebabkan kanak-kanak mudah demam.
- 8 Ayah saya seorang yang tidak boleh _____ kerana ada sahaja kerja yang hendak dilakukannya.
- 9 _____ yang ditunjukkan oleh setiap peserta perkhemahan amat memuaskan.
- 10 _____ pengalamannya ketika kecil menjadi pembakar semangat bagi Zawani untuk berusaha dengan lebih gigih.
- 11 Bahasa Jerman telah dijadikan sebagai _____ elektif wajib di Universiti Teknologi Mara.
- 12 Penyertaan individu dalam _____ seperti renang, berbasikal dan lompat tinggi dapat menyihatkan badan.
- 13 _____ itu telah dibentangkan oleh Rusli ketika Seminar Bahasa dalam Pendidikan 2020.
- 14 Suraya bukan sahaja jelita bahkan _____.
- 15 Humaira memakai baju berwarna _____ pada majlis makan malam itu.